

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 APRIL 2015

Kerajaan komited baiki sistem kesihatan negara - PM

# Tanggung 98% kos perubatan

ilm - 4/4/2015

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 APRIL

**K**ERAJAAN amat komited dalam menambah baik sistem kesihatan di negara ini agar rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Memberikan jaminan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan sangat mengambil berat terhadap kesihatan rakyat dan berusaha untuk terus memajukan sektor kesihatan negara.

"Kita sentiasa berusaha memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang berkualiti dengan kos yang tidak membebankan.

"Di hospital kerajaan, seorang pesakit hanya perlu membayar RMI sahaja bagi mendapatkan rawatan pesakit luar dan RM5 untuk rujukan ke klinik pakar.

"Ubat-ubatan juga diberikan secara percuma, ini kerana kerajaan menanggung sehingga 98 peratus daripada kos perubatan untuk semua rakyat Malaysia yang mendapatkan perkhidmatan di pusat kesihatan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri menyatakan

demikian dalam rakaman siaran radio mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia yang boleh diakses menerusi blognya, *najib-razak.com.*, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau sedia maklum bahawa pesakit terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan di sesetengah hospital dan klinik.

Sehubungan itu, kata beliau, kerajaan sedang berusaha imtuk mengatasi perkara itu dengan meningkatkan kecekapan penguurusan serta menambah bilangan pusat kesihatan bagi menampung lebih ramai pesakit.



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan sebahagian daripada 28 anggota Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-57 1436H/2015M, di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.